



## **GARIS PANDUAN PENGELUARAN DAN PERMOHONAN SETEM DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN POS 2012**

### **PENGENALAN**

1. Pengeluaran setem pos di Malaysia adalah di bawah kawalan Akta Perkhidmatan Pos 2012.
2. Setem pos boleh dikategorikan kepada tiga, iaitu:
  - 2.1. Setem pos khas;
  - 2.2. Setem pos kenang-kenangan; dan
  - 2.3. Setem pos definitif.

### **SETEM POS KHAS**

3. Setem pos khas merupakan setem yang dikeluarkan bagi menggambarkan keunikan negara yang sentiasa wujud, khazanah negara, alam semulajadi yang meliputi kehidupan flora dan fauna, sejarah, seni, budaya, warisan, ketokohan atau patriotisme, dan nilai-nilai tradisional
4. Permohonan mengenai perayaan, pesta, sambutan kebesaran dan sebagainya seharusnya tidak tertumpu kepada minat oleh segolongan minoriti sesuatu bangsa/penduduk sahaja.
5. Bagi kategori tokoh negara, kriteria pemilihan adalah seperti berikut:
  - 5.1. Warganegara Malaysia;
  - 5.2. Telah meninggal dunia; dan
  - 5.3. Sumbangannya hendaklah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan/atau antarabangsa.



6. Bagi kategori sejarah, seni, dan budaya, kriteria pemilihan adalah seperti berikut:

- 6.1. Menjadi warisan negara dan sukar diperolehi pada hari ini;
- 6.2. Barangan hendaklah dikelaskan sebagai barangan purba/lama dan jika perlu hendaklah disahkan oleh Jabatan Muzium Malaysia dan Arkib Negara; dan
- 6.3. Warisan atau seni yang berasal dari Malaysia atau berada dalam negara sejak berkurun yang lalu; contohnya senjata tradisional, seni tampak, dan ukiran.

7. Bagi kategori sains dan teknologi, kriteria pemilihan adalah seperti berikut:

- 7.1. Ciptaan Malaysia; dan
- 7.2. Mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan atau/dan antarabangsa.

### **SETEM KENANG-KENANGAN**

8. Setem kenang-kenangan merupakan setem yang dikeluarkan bagi:

- 8.1. Memperingati pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan, Raja-Raja dan/atau ulang tahun pemerintahan Sultan/Raja-Raja; dan
- 8.2. Meraikan atau memperingati sesuatu peristiwa yang penting atau bersejarah seperti pencapaian negara dari segi kemajuan teknologi atau pembangunan institusi tertentu secara fizikal yang melambangkan kejayaan dari segi pembangunan sama ada di peringkat negara atau antarabangsa di mana Malaysia mempunyai kepentingan.



## PROSIDUR PERMOHONAN SETEM KENANG-KENANGAN

9. Prosedur permohonan pengeluaran setem pos adalah seperti berikut:
  - 9.1. Permohonan bertulis hendaklah dikemukakan kepada Pos Malaysia Berhad (PMB):

Unit Setem dan Filateli  
Pos Malaysia Berhad,  
Tingkat 1, Ibu Pejabat Pos,  
Kompleks Dayabumi,  
50670 Kuala Lumpur.
  - 9.2. Permohonan untuk setem kenang-kenangan hendaklah dikemukakan **sekurang-kurangnya 12 bulan** sebelum tarikh sesuatu peristiwa yang akan disambut.
  - 9.3. Pemohon hendaklah memahami kriteria-kriteria yang telah ditetapkan di dalam garis panduan ini dan juga lampirannya sebelum mengemukakan permohonan.
  - 9.4. Pemohon, di dalam permohonannya hendaklah menjelaskan asas-asas yang boleh dipertimbangkan seperti kepentingan sesuatu tema kepada negara.
  - 9.5. Semua permohonan pengeluaran setem pos akan dikemukakan kepada Suruhanjaya untuk pertimbangan dan kelulusan.
  - 9.6. Pos Malaysia akan memaklumkan kepada pemohon keputusan bagi setiap permohonan sejurus selepas Suruhanjaya membuat keputusannya.



- 9.7. Bagi permohonan yang telah diluluskan, pemohon hendaklah mengadakan perbincangan terus dengan Pos Malaysia berkaitan reka bentuk dan pengeluaran setem. Reka bentuk setem tertakluk kepada budi bicara Pos Malaysia dan mematuhi Akta Perkhidmatan Pos 2012.

### **SETEM POS DEFINITIF**

10. Setem pos definitif dikeluarkan untuk memenuhi keperluan pos dan dikeluarkan untuk tempoh yang lama. Terdapat tiga jenis setem definitif iaitu setem definitif kebangsaan, definitif antarabangsa, dan setem negeri.

11. Setem pos definitif hendaklah dikaji semula setiap 5 tahun.

### **PERTANYAAN**

12. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai permohonan dan kriteria pengeluaran setem pos boleh diajukan kepada:

**Unit Setem dan Filateli,  
Pos Malaysia Berhad**

Tingkat 1, Ibu Pejabat Pos,  
Kompleks Dayabumi,  
50670 Kuala Lumpur.

Tel: 603 2267 2267

Emel: [filateli@pos.com.my](mailto:filateli@pos.com.my)

Faks : 03 2694 2139